



PROGRAM JELAJAH RAMADAN

"KITA SELANGOR"
YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

23 APRIL 2021

Majlis Angkat Sumpah
 Ahli Majlis bagi penggal
 2021/2022
 Majlis Daerah Kuala Selangor

3

Majlis Perpisahan
 Tuan Azman bin Dahlan
 Setiausaha
 Majlis Daerah Kuala Selangor

11

Malam Anugerah
 Perkhidmatan Cemerlang
 Majlis Daerah Kuala Selangor
 2020

19



Naskah Percuma

*Kuala
 Selangor*

Indah dan Bersejarah

Baru
ADUAN ! talian hotline:
03-3281 3939

JANUARI

- Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis bagi Penggal 2021/2022 Majlis Daerah Kuala Selangor
- Audit Pemantauan Sijil MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Kerja-Kerja Sanitasi Awam MDKS di Puncak Alam
- Penyampaian Sumbangan Darpada My Fund Action kepada Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi (KSKR)

FEBRUARI

- Lawatan Tapak Naik Taraf Pusat Pelancongan Santuari Kelip-Kelip Kg Kuantan
- Aktiviti Disinfeksi Sekitar Kawasan Tanjong Karang dan Pasir Penambang
- "Training Of Trainers" Pementoran Kepada Mentor Menti 2021
- Operasi Bersepadu Pemantauan dan Penangkapan Lembu Di Kawasan Awam
- Pemantauan Pematuan "Standard Operation Prosedur (SOP)" di Pasar Malam Puncak Alam
- Kempen Bersama Kita Mencegah Nyamuk Aedes
- Penyerahan Perabot Terpakai MDKS Kepada Pejabat Ahli Majlis dan Sekolah Rendah Agama Pasangan
- Kursus Pengurusan Rekod Pengkhususan Pelupusan Rekod
- Penilaian Anugerah Rumah Bersih Taman Malawati Cergas 2021 Anjuran Jawatankuasa Penduduk

MAC

- Perhimpunan Pagi-Sesi Bicara SUK
- Operasi Bersepadu Kebersihan Pasar Awam, Tanjong Karang
- Kunjungan Hormat Darpada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Ke Majlis Daerah Kuala Selangor
- Majlis Perpisahan Tuan Azman Bin Dahlan
- Sambutan Hari Wanita Oleh Pn Lanuga A/P Velan
- Operasi Bersepadu Kebersihan Pasar Awam, Pasir Penambang
- Majlis Induksi Ahli Majlis Sesi 2021-2022

- Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Kilang Yang Ditolak Permohonan Lesen Perniagaan Sekitar Jeram dan Puncak Alam
- Penyampaian Penghargaan Oleh PERKESO Cawangan Tanjong Karang Kepada Majlis Daerah Kuala Selangor
- Lawatan Pemantauan Pematuan Pencemaran Kilang UPP di Ijok
- Operasi Penangkapan Lembu dan Kambing Di Sekitar Daerah Kuala Selangor
- Program Imunisasi Kumpulan Pengurusan Majlis Daerah Kuala Selangor Fasa 1
- Majlis Bacaan Yasin Sempena Sambutan 100 Tahun Perancangan Bandar Malaysia
- Ujian Saringan Covid-19 Kuala Selangor
- Mesyuarat Komunikasi Dua Hala Majlis Daerah Kuala Selangor Bil. 1/2021
- Program Pemantauan Audit Teknikal (Ppat) Kesihatan Persekitaran Jabatan Kerajaan Tempatan Tahun 2021
- Operasi Premis Warga Asing di Sekitar Puncak Alam

APRIL

- Pertandingan Dart Individu dan Beregu Tertutup Majlis Daerah Kuala Selangor 2021
- Majlis Pelancaran Beg Guna Semula (BAGUS)
- Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- Malam Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Majlis Daerah Kuala Selangor 2021
- Program Imunisasi Kumpulan Pengurusan Majlis Daerah Kuala Selangor Dos Kedua
- Program Undian Tapak Bazar Ramadan dan Bazar Raya 2021 Secara Atas Talian
- Majlis Penyerahan Kereta Bomba Pasukan Bomba Sukarela Saujana Utama
- Pemantauan Prosedur Operasi Standad (SOP) Hari Pertama Bazar Ramadan dan Penyerahan Permit Bazar Di Bazar Hadapan Tesco Kuala Selangor
- Program Tadarus Al-Quran 2021
- Program Sumbangan Bakul Ramadan 2021
- Lawatan Susulan Aduan Lukisan Mural Di Balai Seni Sasaran Kuala Selangor
- Program Cabaran 100 Hari Weight Loss Challenge Majlis Daerah Kuala Selangor 2021
- Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit
- Pengosongan dan Sitaan Tapak Binaan Tanpa Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan Di Kawasan Lapang Taman Ilmu, Mukim Bestari Jaya
- Majlis Mahabbah Ramadan YAB. Dato Menteri Besar Selangor Bersama Penjawat Awam Negeri Selangor Yang Dihoskan oleh Perbendaharaan Selangor
- Program Jelajah Ramadan Kita Selangor YAB. Dato Menteri Besar Selangor dan Program Perasmian Bazar Mampan MDKS Bersama E-Kitchen dan Dapur Seldec
- Mesyuarat Agung Kali ke 30, Kelab Sukan, Kebajikan dan Rrekreasi MDKS
- Iftar Kasih Ramadan Unit-Unit MDKS bersama Yang Dipertua

Sidang Redaksi BULETIN MALAWATI

Penaung

Puan Rahilah binti Rahmat AMS,
ydp@mdks.gov.my

Penasihat

Tuan Azman bin Dahlan AIS, PPT,
azmandahlan@mdks.gov.my

Editor

Puan Norrini binti Mohd Ladzim
norrini@mdks.gov.my

Pengarang

Encik Aliff Amani bin Jumeren
aliff@mdks.gov.my

Penolong Pengarang

Encik Hisyamuddin bin Zakaria
hisyamuddin@mdks.gov.my

Jurufoto, Rekabentuk dan Susunan

Encik Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi
irwanshah@mdks.gov.my

Diterbitkan Oleh

Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Daerah Kuala Selangor

Diterbitkan Untuk



Majlis Daerah Kuala Selangor

Jalan Majlis 45000 Kuala Selangor

Tel : 03-3289 1439 Fax : 03-3289 1101

Web : www.mdks.gov.my

MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS BAGI PENGGAL 2021/2022 MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 8 Januari 2021

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah mengadakan Majlis Angkat Sumpah Menerima Jawatan Ahli Majlis Daerah Kuala Selangor Sesi 2021-2022 di Bilik Mesyuarat Malawati pada 8 Januari 2021.

Seramai 18 orang telah dilantik dan Majlis Angkat Sumpah dimulakan oleh Yang Dihormati, Dato' Mohamad Yaacob bin Dato' Ismail, sambil disaksikan oleh Yang Berusaha, Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MDKS.

Untuk sesi baharu ini, MDKS telah menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) kepada Ahli Majlis yang bertujuan untuk mengukur prestasi kerja Ahli Majlis. Pelaksanaan KPI ini dapat memastikan tugas dan peranan seseorang Ahli Majlis dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Antara yang dinilai adalah kehadiran ke mesyuarat dan program jabatan, penganjuran program kemasyarakatan dan pengurusan aduan awam.

Justeru itu, MDKS berharap agar Ahli Majlis yang telah dilantik dapat memainkan peranan sebagai perantara dan pemudah cara antara MDKS dan masyarakat di daerah Kuala Selangor sekali gus mengangkat martabat PBT bertunjangkan komitmen yang berintegriti, dinamik dan prihatin. Natiujahnya, lahirlah Kuala Selangor yang indah dan bersejarah dalam segala budaya kehidupan dan budaya pembangunan.

MDKS merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Ahli Majlis yang telah dilantik.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

AUDIT PEMANTAUAN SIJIL MS ISO 9001:2015 OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. 14-15 Januari 2021

Bagi proses meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat, MDKS telah menerima kunjungan daripada pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk Siri Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015.

Setiap proses kerja MDKS telah dinilai dan pihak SIRIM telah mengesyorkan persijilan MS ISO 9001:2015 diteruskan tanpa sebarang pindaan.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

KERJA-KERJA SANITASI AWAM MDKS DI KAWASAN PERNIAGAAN PUNCAK ALAM 23-24 Januari 2021

Aktiviti sanitasi awam oleh Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MDKS pada 23 dan 24 Januari 2021 di sekitar kawasan Alam Jaya dan Puncak Alam melibatkan premis dan kawasan tumpuan orang ramai.

Amalkan dan sentiasa saling berpesan untuk menjaga:

- Penjarakan fizikal
- Basuh tangan dengan kerap
- Pakai pelitup muka



Sumber : Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran

PENYAMPAIAN SUMBANGAN DARIPADA MY FUND ACTION KEPADA KELAB SUKAN, KEBAJIKAN DAN REKREASI (KSKR)

27 Januari 2021

Sebanyak 100 pek barangan keperluan asas telah disumbangkan oleh MyFundAction menerusi majlis ringkas di Jabatan Penguatkuasaan MDKS. Sumbangan ini bertujuan untuk membantu anggota barisan hadapan MDKS yang berpendapatan B40, Ibu Tunggal dan yang mempunyai anak kelainan upaya.

MDKS menzahirkan ucapan terima kasih kepada MyFundAction di atas sumbangan ini dan berharap sumbangan ini dapat meringankan beban perbelanjaan serta kekangan masa untuk mendapatkan barang keperluan asas.



Sumber : Kelab Sukan, Kebajikan Dan Rekreasi MDKS

LAWATAN TAPAK NAIK TARAF PUSAT PELANCONGAN SANTUARI KELIP-KELIP KG KUANTAN

5 Februari 2021



Sumber : Kumpulan Projek Khas

“Usaha untuk rakyat”

OPERASI BERSEPADU PEMANTAUAN DAN PENANGKAPAN LEMBU DI KAWASAN AWAM 9 Februari 2021

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menjalankan operasi pemantauan dan penangkapan haiwan ternakan yang memasuki kawasan laluan awam dan perumahan pada 9 Februari 2021.

Operasi ini dijalankan di sekitar kawasan Bestari Jaya, Ijok dan Jeram. Hasil operasi, MDKS telah berjaya menangkap satu ekor lembu di Bestari Jaya, satu ekor lembu di Jeram dan lapan ekor kambing di Tambak Jawa.

Operasi ini bertujuan untuk mencegah haiwan peliharaan seperti lembu, kambing dan kerbau tidak berkeliaran di kawasan awam yang boleh mengganggu dan membahayakan pengguna jalan raya.



Sumber : Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran

PEMANTAUAN PEMATUHAN “STANDARD OPERATION PROSEDUR (SOP)” DI PASAR MALAM PUNCAK ALAM 10 Februari 2021

Usaha mencegah penularan Covid-19 sentiasa menjadi keutamaan MDKS menerusi pemantauan pematuhan “Standard Operation Prosedur” (SOP)



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

KEMPEN BERSAMA KITA MENCEGAH NYAMUK AEDES

11 Februari 2021



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

PENYERAHAN PERABUT TERPAKAI MDKS KEPADA PEJABAT AHLI MAJLIS DAN SEKOLAH RENDAH AGAMA PASANGAN

16 Februari 2021

Majlis Daerah Kuala Selangor mengambil inisiatif untuk membantu sekolah-sekolah dalam daerah Kuala Selangor menerusi pemberian perabut terpakai MDKS kepada Sekolah Rendah Agama Pasangan dan Sekolah Kebangsaan Assam Jawa serta kepada Pejabat Ahli Majlis MDKS yang baharu dilantik.

Sumbangan ini diharap dapat membantu untuk keperluan dan keselesaan kepada guru-guru agar dapat terus fokus untuk mendidik pelajar Kuala Selangor.




Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

“Usaha untuk rakyat”

KURSUS PENGURUSAN REKOD

PENGKHUSUSAN PELUPUSAN REKOD 18-19 Februari 2021

Situasi Pandemik Covid19 tidak menghalang proses pembelajaran kakitangan MDKS menerusi kursus secara atas talian mengenai pengurusan rekod. Seramai 45 orang peserta terlibat dihimpunkan melalui aplikasi Zoom dan hasilnya seramai 80 peratus peserta sangat berpuas hati penggunaan aplikasi atas talian sebagai medium kursus. Kursus ini dikendalikan oleh Puan Saidatul Nor Rafizah binti Wan Teh, Penolong Pegawai Arkib dan Puan Wan Nurul Asnidayu binti Wan Zawawi, Pegawai Arkib, daripada Jabatan Arkib Negara.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

PENILAIAN ANUGERAH RUMAH BERSIH

TAMAN MALAWATI CERGAS 2021 ANJURAN JAWATANKUASA PENDUDUK

20 Februari 2021



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

PERHIMPUNAN PAGI-SESI BICARA SUK

1 Mac 2021

Pertemuan secara dalam talian menjadi wadah kepada pengurusan tertinggi MDKS menerusi Perhimpunan Pagi-Sesi Bicara SUK bersama YB Dato' Nor Azmi Bin Diron, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Antara tiga amanat penting yang disampaikan khusus kepada penjawat awam adalah Merit, Pragmatik dan kejujuran.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

OPERASI BERSEPADU KEBERSIHAN PASAR AWAM, TANJONG KARANG

2 Mac 2021

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menjalankan operasi pemantauan kebersihan pasar basah secara bersepadu di lima buah pasar iaitu di Tanjong Karang, Pasir Penambang, Bestari Jaya dan Sungai Buloh serta Ijok bermula 2 Mac hingga 9 Mac 2021.

Tujuan operasi ialah untuk memastikan imej kebersihan pasar awam dipelihara dan diuruskan dengan baik serta memastikan peniaga mematuhi arahan seperti pematuan penjagaan kebersihan di kawasan operasi peniaga, pemeriksaan halangan dan pematuan pelesenan.



Sumber : Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) KE MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 3 Mac 2021

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Klang telah mengadakan satu lawatan tapak ke premis yang dicadangkan untuk disewa bagi dijadikan pejabat SPRM pada 3 Mac 2021.

Delegasi SPRM diketuai oleh YBhg. Dato Junipah binti Wandu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan disambut oleh Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat. Delegasi SPRM turut di bawa melawat ke Ibu pejabat MDKS untuk sesi perkongsian mengenai latar belakang MDKS.

Warga MDKS merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada barisan delegasi SPRM yang telah memilih daerah Kuala Selangor sebagai lokasi pejabat baharu dalam usaha-usaha pencegahan rasuah dan menjadikan MDKS sebagai lokasi kunjungan hormat pada kali ini.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

MAJLIS PERPISAHAN TUAN AZMAN BIN DAHLAN, SETIAUSAHA MDKS

4 Mac 2021

Majlis Daerah Kuala Selangor mengucapkan sekalung tahniah kepada Tuan Azman bin Dahlan yang dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah Sabak Bernam berkuatkuasa 1 Mac 2021.

Segala jasa dan bakti Tuan sepanjang berkhidmat di MDKS akan dikenang seluruh warga kerja Majlis Daerah Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

“Usaha untuk rakyat”

MAJLIS INDUKSI AHLI MAJLIS SESI 2021-2022

10-11 Mac 2021



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

TINDAKAN PENGUATKUASAAN TERHADAP KILANG YANG DITOLAK PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN SEKITAR JERAM DAN PUNCAK ALAM 12 Mac 2021



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

LAWATAN PEMANTAUAN PEMATUHAN PENCEMARAN KILANG UPP DI IJOK

16 Mac 2021



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

OPERASI PENANGKAPAN LEMBU DAN KAMBING DI SEKITAR DAERAH KUALA SELANGOR

18 Mac 2021

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menjalankan operasi pemantauan dan penangkapan lembu yang memasuki kawasan laluan awam dan perumahan pada 22 Januari 2020.

Operasi ini dijalankan di sekitar kawasan Bestari Jaya, Ijok dan Jeram. Satu kompaun telah dikeluarkan serta merta kepada pemilik ternakan di Bestari Jaya dan satu ekor lembu telah disita di Jeram di bawah kesalahan Seksyen 5 (1) Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 kerana membiarkan lembu berkeliaran tanpa kawalan dan denda tidak lebih RM 1,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih dua belas bulan.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

“Usaha untuk rakyat”

PROGRAM IMUNISASI KUMPULAN PENGURUSAN MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR FASA 1 18 Mac 2021

Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat telah menerima dos pertama vaksin COVID-19. Vaksinasi ini dilaksanakan oleh Jururawat Klinik Kesihatan Ijok.

MDKS menyeru kepada orang ramai agar mendaftarkan diri menerusi aplikasi MySejahtera dan orang ramai tidak perlu ragu-ragu dengan vaksin yang disediakan oleh kerajaan. Marilah putus rantai jangkitan COVID-19. Ribuan terima kasih kepada petugas barisan hadapan serta seluruh warga kerja Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertungkus lumus menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).



MAJLIS BACAAN YASIN SEMPENA SAMBUTAN 100 TAHUN PERANCANGAN BANDAR DI MALAYSIA 19 Mac 2021



UJIAN SARINGAN COVID-19 KUALA SELANGOR

21 Mac 2021

Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Kuala Selangor telah mengadakan Ujian Saringan Komuniti frontliners kumpulan Selcare, Selangor, secara percuma, yang dijalankan di Dewan Orang ramai Bestari Jaya. Inisiatif ini dianjurkan oleh Selangor Task Force Covid 19 (STFC), Selcare bersama-sama badan NGO IMARET dengan kerjasama Pusat Khidmat Rakyat Kuala Selangor.

Rata-rata yang hadir adalah daripada kelompok warga emas dan kaunter pendaftaran untuk suntikan vaksin buat Fasa ke-2 turut dibuka untuk membantu mereka bagi proses pendaftaran vaksin.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

MESYUARAT KOMUNIKASI DUA HALA

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR BIL1/2021 22 Mac 2021

Majlis Komunikasi Dua Hala antara Majlis Daerah Kuala Selangor bersama Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri di Bilik Mesyuarat Malawati, Ibu pejabat MDKS.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MDKS dan turut dihadiri oleh YB. Tan Sri Noh bin Haji Omar, Ahli Parlimen Tanjong Karang, YB. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman ADUN Paya Jaras, YB. Puan Rozana Binti Zainal Abidin ADUN Permatang, YB. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad ADUN Ijok dan YB. Puan Juwairiya Binti Zulkifli ADUN Bukit Melawati serta wakil ADUN Sungai Burong.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

“Usaha untuk rakyat”

PROGRAM PEMANTAUAN AUDIT TEKNIKAL (PPAT) KESIHATAN PERSEKITARAN JABATAN KERAJAAN TEMPATAN TAHUN 2021

24 Mac 2021



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

OPERASI PREMIS WARGA ASING DI SEKITAR PUNCAK ALAM

25 Mac 2021

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menjalankan operasi pemantauan premis warga asing di Taman Industri Alam Jaya pada 25 Mac 2021. Sasaran operasi ini adalah untuk mengesan premis-premis di kawasan tersebut yang didakwa dimiliki dan dikendalikan sepenuhnya oleh warga asing. Sebanyak tujuh buah premis telah diperiksa dalam operasi tersebut.

Hasil operasi, sebanyak empat buah premis telah diarahkan tutup serta merta kerana didapati dikendalikan sepenuhnya oleh warga asing dan lesen perniagaan ditarik semula di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKS) 2007. Selain itu, sebuah premis dikenakan tindakan sitaan kerana menjalankan perniagaan gunting rambut tanpa lesen sah MDKS dan dikendalikan sepenuhnya oleh dua orang pekerja warga asing daripada negara Laos dan Bangladesh. Antara barangan yang disita adalah dua unit kerusi gunting rambut dan peralatan serta aksesori menggantung rambut.



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

PERTANDINGAN DART INDIVIDU DAN BEREGU TERTUTUP MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 2021 3 April 2021



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

MAJLIS PELANCARAN BEG GUNA SEMULA BAGUS 4 April 2021

Majlis Pelancaran Beg Guna Semula (BAGUS) 2021 Peringkat Daerah Kuala Selangor Anjuran Jawatankuasa Tetap Pengguna Negeri Selangor di Pasar Awam Tanjong Karang oleh YB. Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, Exco Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal Negeri Selangor.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

“Usaha untuk rakyat”

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2021 PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR 7 April 2021

Majlis Daerah Kuala Selangor merakamkan ucapan sekalung tahniah kepada Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

MALAM ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 2020

7 April 2021

Seramai 36 orang warga Majlis Daerah Kuala Selangor telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020 yang terdiri daripada pelbagai Jabatan dan Unit MDKS. Satu orang pesara dan tujuh orang penerima Anugerah Khidmat Setia turut diraikan dan menerima Sijil Penghargaan.

Majlis yang berlangsung di Eco Grandeur Hall, Ecoworld Puncak Alam dilaksanakan dengan penuh pematuhan SOP ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Nor Azmie bin Diron, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam ucapannya menzahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada penerima APC dan menyeru para penerima untuk terus mengekalkan rentak kecemerlangan dan meneruskan momentum prestasi yang positif ke tahun-tahun mendatang.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

“Usaha untuk rakyat”

PROGRAM UNDIAN TAPAK BAZAR

RAMADAN DAN BAZAR RAYA 2021 SECARA ATAS TALIAN

9 April 2021

Demi menjaga kesejahteraan awam, Jabatan Pelesenan MDKS telah mengadakan sesi cabutan undian tapak Bazar Ramadan dan Bazar Raya secara dalam talian di Laman Facebook rasmi MDKS. Sesi cabutan telah disempurnakan oleh Ahli Majlis MDKS, Encik Yeow Yeong Feng dan Encik Khider Bin Abd Rahim.



Sumber : Jabatan Pelesenan

PEMANTAUAN PROSEDUR OPERASI STANDAD (SOP)

HARI PERTAMA BAZAR RAMADAN DAN PENYERAHAN PERMIT BAZAR
DI BAZAR HADAPAN TESCO KUALA SELANGOR

13 April 2021



Sumber : Jabatan Pelesenan

PROGRAM TADARUS AL-QURAN 2021

15- 29 April 2021



Sumber : Kelab Sukan, Kebajikan Dan Rekreasi, MDKS

PROGRAM SUMBANGAN BAKUL RAMADAN 2021

16 April 2021



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

LAWATAN SUSULAN ADUAN LUKISAN MURAL DI BALAI SENI SASARAN KUALA SELANGOR

20 April 2021

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) memandang serius dakwaan pelayar media sosial mengenai gambar lukisan Balai Seni Sasaran Kuala Selangor yang tular di media sosial.

Maklumat awal yang diterima oleh MDKS pada jam 7 malam adalah lukisan tersebut masih dalam 20 peratus (20%) proses lakaran dan lukisan tersebut menjadi tular di media sosial. Sehubungan itu, MDKS telah mengarahkan pelukis untuk menyiapkan bahagian yang sensitif dengan kadar segera dalam tempoh tiga jam. Lukisan disempurnakan pada jam 10.00 malam, 40 peratus siap (40%) dan dijangka siap sepenuhnya pada/sebelum 26 April 2021.

MDKS turut memberi amaran dan peringatan kepada mana-mana penggiat seni untuk sentiasa berhati-hati dan menjaga sensitiviti budaya tempatan dalam penghasilan karya seni dan merujuk kepada MDKS terlebih dahulu.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

“Usaha untuk rakyat”

PROGRAM CABARAN 100 HARI “WEIGHT LOSS CHALLENGE” MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 2021

20 April 2021



PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT

22 April 2021



PENGOSONGAN DAN SITAAN TAPAK BINAAN TANPA KELULUSAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

22 April 2021



Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

MAJLIS MAHABBAH RAMADAN

YAB. DATO MENTERI BESAR SELANGOR BERSAMA PENJAWAT AWAM NEGERI SELANGOR YANG DIHOSKAN OLEH PERBENDAHARAAN SELANGOR 22 April 2021

Kakitangan MDKS mengikuti siaran secara dalam talian Majlis Mahabbah Ramadan YAB Dato' Menteri Besar Selangor Bersama Penjawat Awam Negeri Selangor yang dihoskan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PROGRAM JELAJAH RAMADAN “KITA SELANGOR”

YAB. DATO MENTERI BESAR SELANGOR 22 April 2021

Yang Amat Berhormat, Dato Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin bin Shari telah mengadakan Jelajah Ramadan “Kita Selangor” di Daerah Kuala Selangor. Beliau telah merasmikan Bazar Mampan 2021 di Kuala Selangor. Sebagai salah satu tradisi di Malaysia sempena Ramadan, bazar Ramadan menjadi wadah meningkatkan pendapatan para peniaga.



Bersama Hentikan Wabak Covid-19

PERINGATAN



S LANGKAH

**IMBAS QR CODE
SeLangkah atau MySejahtera**

